

Teknologi perlu ditingkatkan Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Dr. M syorkan cara majukan lagi industri

SHAH ALAM, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, satu program meningkatkan teknologi perlu diatur bagi membolehkan Malaysia mengeksport barang-barang buaatannya secara besar-besaran.

Bellau berkata, Institut Piawalan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan lain-lain seperti mengambil langkah berkesan meningkatkan taraf teknologi industri-industri di negara ini.

"Pengusaha-pengusaha tempatan perlu mempunyai daya usaha utama melibatkan diri dan mengkaji bentuk teknologi yang ada di samping meningkatkannya ke taraf yang lebih tinggi bagi mengatasi kekurangan pakar teknikal," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Pusat Teknologi Perindustrian Logam (MITEC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri berharap, MITEC akan menjadi satu pusat

yang boleh mengembangkan pengetahuan teknikal yang praktikal kepada pekerja-pekerja tempatan untuk meningkatkan kemahiran mereka.

"Pust ini juga boleh menggalakan projek-projek percubaan di dibidang perlogaman seperti membuat acuan, kerjatekan, kimpalan dan sadur-elektrik," jelasnya.

## Pekerja tempatan

"Saya harap MITEC dapat mengukuhkan industri asas tempatan bagi menghasilkan barang bermutu dengan harga yang setanding bagi membantu penubuhan industri besar dan berat," tambah bellau.

Bellau berkata, Malaysia boleh bandingkan dengan negara Jepun di mana industri-industri sokongan memalinkan peranan penting meningkatkan taraf perindustrian negeranya.

"Jepun juga berupaya menghasilkan pengeluaran bermutu tinggi dengan harga yang setanding," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan sekali lagi, sektor pembuatan adalah salah satu sektor

ekonomi negara yang menunjukkan kadar perkembangan tahunan paling tinggi.

"Dengan kemajuan sektor pembuatan dan pembangunan perindustrian, negara amat memerlukan berbagai jenis tenaga mahir.

"Penting bagi kita mengada dan meningkatkan lagi perkhidmatan teknikal dan lain-lain kemudahan bagi menjamin pembangunan pesat sektor ini," katanya.

Untuk mengekal dan mempercepatkan kadar perkembangan perindustrian yang dicapai setakat ini, Perdana Menteri berkata, adalah perlu infrastruktur teknik diperbaiki untuk memberi perkhidmatan yang lebih bermutu kepada industri-industri negara ini.

Bantuan-bantuan teknikal amat diperlukan oleh sektor perindustrian khususnya logam, katanya.

"Industri ini penting diberi keutamaan kerana ia adalah industri asas yang boleh membaiki pertumbuhan industri-industri lain," jelasnya.